

12 APR 1999

Abdullah-Fitnah

LIMA KES FITNAH SERIUS SEDANG DITIMBANG PANEL PEGUAM UMNO

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata lima kes fitnah yang sangat serius sedang dipertimbangkan untuk diambil tindakan undang-undang oleh panel peguam Umno.

Tanpa menyatakan kes-kes itu, beliau berkata panel peguam Umno yang dilantik oleh jawatankuasa bagi menangani fitnah yang ditubuhkan Umno baru-baru ini, sedang menghalusi segenap aspek berkaitan kes-kes itu.

"Ini bukanlah sekadar untuk menggemparkan sahaja tetapi ia tindakan yang serius kerana penyebaran fitnah makin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini dengan pelbagai cara termasuk ceramah umum dan, kita dapat tahu. melalui khutbah juga," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat jawatankuasa itu di sini.

Beliau berharap tindakan yang diambil oleh Umno untuk menangani fitnah itu tidak dilihat sebagai satu usaha untuk cuba menutup mulut mereka yang hendak bersuara atau membuat kenyataan kerana itu bukanlah niat Umno.

"Dalam amalan demokrasi yang sihat kita dapat terima kritik yang melambangkan pendirian mana-mana parti politik termasuk pembangkang... tetapi situasi yang kita lihat sekarang adalah sangat berlainan," katanya.

Abdullah berharap tindakan Umno itu dapat membuktikan bahawa Umno sebagai sebuah parti yang sudah sekian lama bergerak tidak mahu melihat gejala fitnah berleluasa dalam masyarakat sehingga menjadi satu budaya politik yang amat buruk kepada negara.

Katanya, fitnah tidak boleh dibiarkan kerana ia bukan sahaja meruntuhkan kuasa dan kerajaan tetapi juga mana-mana badan dan organisasi serta keluarga dan juga perniagaan akan hancur akibatnya, apatah lagi Islam melarang keras perbuatan fitnah.

Beliau berharap tindakan Umno menangani fitnah itu akan menjadi contoh kepada pihak lain dan perjuangan menghapuskan fitnah dijadikan perjuangan oleh setiap rakyat.

Pada majlis itu yang dihadiri para pemimpin peringkat bahagian Umno di seluruh negara, dua anggota panel peguam Umno dan pengerusi jawatankuasa itu Datuk Ibrahim Ali turut memberikan penerangan mengenai elemen fitnah dan keperluan bukti-buktinya untuk dibawa ke mahkamah.

Abdullah berkata antara langkah awal yang akan dilaksanakan ialah pengumpulan semua maklumat berkaitan fitnah yang disebarkan dan penerangan kepada semua peringkat parti mengenai peranan dan tugas jawatankuasa itu serta tindakan yang diambilnya.

Beliau berkata jawatankuasa itu, yang baru-baru ini melantik 20 peguam menganggotai panelnya, telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan para pemimpin bahagian yang menyatakan kesediaan mereka untuk berperanan utama dalam mencapai matlamatnya menangani fitnah.

Ketika ditanya sama ada Umno juga bersedia menghadapi tindakan mahkamah oleh parti pembangkang berkaitan fitnah, Abdullah yang juga Naib Presiden Umno dan sedang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti, berkata bagi Umno perkara itu tidak menjadi masalah.

"Saya tak kira jika ada pihak-pihak lain juga hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap kita (Umno)... tak ada masalah kepada kita kerana yang jadi masalah untuk ditangani ialah fitnah," katanya.

Ibrahim baru-baru ini dilaporkan telah membuat aduan polis di Kota Bharu berkaitan penyebaran pita rakaman yang dikatakan bukan sahaja memfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi juga

menyeru supaya para pemimpin Umno dibunuh.

-- BERNAMA

MNY AHH NMO